

Penginterasian Kecerdasan Buatan dalam Dakwah dan Pendidikan Islam

Kepesatan teknologi dalam beberapa dekad yang lalu telah membawa manusia ke era kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI).

AI merupakan satu daripada teras utama dalam Revolusi Perindustrian 4.0. AI merujuk kebolehan mesin atau sistem komputer yang dicipta untuk melaksanakan tugas yang lazimnya dilakukan oleh manusia, seperti menyelesaikan masalah dan mencari maklumat. AI juga didefinisikan sebagai kemampuan komputer dan robot untuk melakukan tugas yang pada kebiasaannya dikaitkan dengan kebijaksanaan serta kecerdasan manusia, seperti memberikan alasan, mendefinisikan sesuatu, serta belajar daripada pengalaman.

Teras lain dalam Revolusi Perindustrian 4.0 ialah teknologi robotik automasi yang berkeupayaan untuk beroperasi dalam persekitaran kerja yang sama seperti manusia; pengkomputeran awan dalam penyimpanan dan pemrosesan data; Internet benda yang menghubungkan deria pintar pada peralatan dengan sambungan Internet; sekuriti siber bagi melindungi data



dan meminimumkan risiko; cetakan 3D yang memudahkan pembangunan prototaip; realiti maya yang dapat menyediakan maklumat visual secara maya; realiti terimbuh yang menggabungkan dunia fizikal dan dunia maya; serta analisis data raya yang menggunakan data yang dikumpulkan untuk penyediaan perkhidmatan dan melakukan unjuran yang lebih tepat.

Menerusi AI, sesuatu sistem dihasilkan untuk mempelajari persekitaran dan menjadi pemacu kepada hubungan antara manusia dengan

peralatan fizikal dan dunia digital. Kewujudan AI membuka peluang dalam pelbagai sektor, antaranya termasuklah bidang dakwah. Penggunaan AI dalam dakwah Islam berkembang pesat seiring dengan kemajuan teknologi dan kemunculan pelbagai aplikasi digital.

Sebelum AI digunakan secara meluas, teknologi digital seperti laman sesawang, media sosial dan aplikasi telefon pintar telah menjadi platform utama untuk menyebarkan dakwah Islam. Dakwah melalui media sosial seperti YouTube, Facebook, X, TikTok dan Instagram memberikan peluang kepada para pendakwah untuk menyampaikan mesej Islam

kepada masyarakat di seluruh dunia, selagi seseorang mempunyai akses kepada Internet.

Seiring dengan perkembangan teknologi digital, penggunaan AI dalam dakwah Islam kini bukan lagi sesuatu yang asing, malah semakin diterima sebagai medium yang efektif. Walaupun teknologi AI masih dalam fasa penambahbaikan, keupayaannya dalam usaha membantu para pendakwah dan memperluas penyampaian dakwah tidak dapat disangkal. AI menawarkan pelbagai kelebihan untuk menyokong usaha dakwah secara umum dan memperkasakan pendakwah secara khusus. Perkembangan pesat teknologi AI menyebabkan beberapa usaha mula dilakukan untuk menggabungkan teknologi tersebut dengan dakwah Islam. Sebagai contoh, beberapa aplikasi mula dibangunkan untuk memudahkan masyarakat memahami ajaran Islam, seperti aplikasi untuk menghafal al-Quran, mencari maklumat berkaitan dengan fiqh, dan mendapatkan penjelasan tentang hadis.

Satu daripada manfaat AI yang paling ketara dalam bidang dakwah ialah pengenalan chatbot. Penggunaan chatbot yang boleh memberikan jawapan kepada soalan berkaitan dengan Islam merupakan antara contoh awal penggunaan AI dalam dakwah. Chatbot tersebut mampu menjawab persoalan berkaitan dengan hukum Islam. Teknologi ini menggunakan pemrosesan bahasa tabii atau *natural language processing* (NLP). Dengan memanfaatkan fungsi Pengubah Pralatihan Generatif (GPT) dalam platform seperti ChatGPT, setiap pendakwah boleh membina chatbot mereka sendiri


dengan cara membekalkan data bahan rujukan yang komprehensif bagi membolehkan AI memberikan jawapan yang tepat dan berlandaskan rujukan yang berautoriti. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan masyarakat mendapatkan jawapan kepada persoalan agama dengan pantas, malah memastikan bahawa jawapan dikemukakan berdasarkan perspektif ulama yang disepakati.

Bidang dakwah yang luas memerlukan seseorang pendakwah memahami latar belakang serta konteks masyarakat sasaran sebelum menyampaikan mesejnya. AI dapat membantu pendakwah mengakses maklumat berkaitan dengan demografi, budaya dan trend semasa bagi menyusun strategi dakwah secara lebih berkesan.

AI juga berperanan mengatasi halangan bahasa dalam penyebaran dakwah Islam. Pendakwah yang sebelum ini mempunyai kekangan bahasa untuk menyampaikan dakwah kepada komuniti tertentu, kini boleh memanfaatkan teknologi AI bagi menghasilkan terjemahan yang lebih cepat dan tepat. Platform AI bukan sahaja menyediakan terjemahan literal, tetapi juga menyesuaikan teks kepada laras bahasa yang lebih semula jadi dan sesuai dengan budaya masyarakat sasaran. Dengan cara ini, usaha dakwah dapat diperluas kepada khalayak yang lebih besar tanpa perlu menghadapi cabaran komunikasi yang ketara.

AI turut berfungsi sebagai wadah untuk membantu seseorang menyediakan kandungan dakwah dalam media sosial. Media sosial menjadi medium utama penyebaran dakwah Islam pada era digital. AI dapat membantu pendakwah mencipta kandungan dakwah

Potensi penggunaan AI dalam dakwah dan pendidikan Islam sangat luas dan akan terus berkembang, yang seterusnya memberikan suatu harapan bahawa dakwah Islam dapat diteruskan secara global tanpa sempadan melalui platform digital.






secara lebih cepat dan efektif dengan menghasilkan idea, menulis teks, serta menyunting bahan audio dan video. Dengan bantuan AI, pendakwah dapat menjana lebih banyak bahan dakwah dalam masa yang singkat, sekali gus meningkatkan capaian kepada masyarakat global yang mempunyai akses kepada Internet.

Di samping itu, AI dapat dimanfaatkan oleh seseorang untuk menyemak ejaan dan tatabahasa bagi teks dakwah. Kesalahan ejaan dan tatabahasa dalam teks dakwah boleh menjejaskan kredibiliti penyampaiannya. AI berfungsi sebagai editor peribadi yang mampu menyemak teks dalam pelbagai bahasa dan membetulkan kesalahan serta-merta. Teknologi AI membolehkan pendakwah menghasilkan bahan dakwah yang lebih berkualiti dan tersusun.

Dalam bidang pendidikan Islam pula, teknologi AI berfungsi sebagai alat bantu mengajar. AI menyediakan sumber rujukan yang meluas yang dapat membantu memudahkan urusan pencarian maklumat. Teknologi AI juga digunakan dalam pembangunan platform pembelajaran dalam talian yang membantu pelajar memahami konsep asas Islam, termasuklah fiqh, tafsir dan sejarah Islam. Terdapat beberapa aplikasi percuma yang membantu memberikan pemahaman yang mendalam, selain menjawab persoalan yang kompleks tentang al-Quran dan hadis.

Selain itu, AI turut dimanfaatkan untuk membantu menyemak bacaan al-Quran, yang membolehkan teknologi ini memberikan maklum balas terhadap sebutan dan tajwid. Masyarakat juga boleh memanfaatkan teknologi AI untuk menyemak kesahihan hadis secara mudah dan pantas. Kemudahan ini biasanya ditawarkan secara percuma dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Secara keseluruhan, teknologi ini membolehkan pelajar mencari maklumat dengan lebih pantas dan tepat, seterusnya meningkatkan keberkesanan pembelajaran.


Pada masa hadapan, AI dijangka akan terus memainkan peranan yang lebih besar dalam dakwah dan pendidikan Islam. Dengan kemajuan teknologi AI, lebih banyak aplikasi akan terhasil untuk membantu



Penggunaan AI dalam dakwah dan pendidikan Islam perlu dikawal agar maklumat yang disampaikan sahih dan selari dengan prinsip agama.

masyarakat memahami agama dengan lebih baik. AI memberikan kesan yang besar apabila berjaya mengubah cara penyampaian dakwah Islam kepada masyarakat moden.

Dengan bantuan AI, proses penyebaran ilmu agama menjadi lebih mudah, cepat dan berkesan, serta membolehkan masyarakat di seluruh dunia mengakses maklumat dan pendidikan agama dengan lebih baik. Potensi penggunaan AI dalam dakwah dan pendidikan Islam sangat luas dan akan terus berkembang, yang seterusnya memberikan suatu harapan bahawa dakwah Islam dapat diteruskan secara global tanpa sempadan melalui platform digital.

Walau bagaimanapun, penggunaan AI dalam dakwah dan pendidikan Islam perlu dikawal selia dengan baik bagi memastikan setiap maklumat yang disampaikan berlandaskan sumber yang sahih dan tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Seseorang pendakwah khususnya, perlu merujuk silang setiap fakta yang diterima daripada AI dengan sumber rujukan asal bagi memastikan setiap ilmu yang disampaikan merupakan maklumat yang sahih. Oleh itu, para pendakwah Islam memainkan peranan yang penting untuk membimbing dan menyesuaikan teknologi AI agar selari dengan tuntutan agama.  Islam